

BAB 3

KAEDAH KAJIAN DAN PENGANALISISAN DATA

Pengenalan

Dalam bab ini, perkara yang berhubung dengan metodologi kajian dan teknik penganalisisan data akan dibincangkan. Fokus perbincangan meliputi reka bentuk kajian, tata cara pengumpulan data, lokasi dan subjek kajian, pengelolaan temu duga, soalan temu duga, dan teknik menganalisis data.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah tergolong dalam jenis kajian kes. Menurut beberapa orang penyelidik (Johnson, 1980; Best, 1981; Mills, 1984), kajian kes membabitkan kajian yang mendalam tentang individu dan boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai tindakan dan konsepsi mereka berhubung sesuatu perkara.

Tata Cara Pengumpulan Data

Data bagi kajian ini dikumpul melalui teknik temu duga. Teknik ini bersifat bersemuka, fleksibel, dan dapat memberi peluang kepada subjek menyatakan perasaan mereka dengan bebas tentang sesuatu rancangan. Pada umumnya, temu duga dapat menggumpulkan data yang agak mendalam kerana sesuatu soalan itu boleh dikembangkan atau dilanjutkan untuk meliputi aspek-aspek yang lebih terperinci berdasarkan gerak balas subjek (Nik Azis, 1996, hlm. 349).

Temu duga yang digunakan dalam kajian ini adalah temu duga berstruktur. Dalam temu duga berstruktur, pengawalan yang agak ketat dikenakan oleh penemu duga. Penemu duga sediakan satu rancangan atau jadual temu duga dengan rapi, mengemukakan soalan secara terus terang dengan menggunakan frasa yang terdapat dalam jadual temu duga, bertanya soalan mengikut susunan soalan yang tertera pada jadual temu duga (Nik Azis, 1996, hlm. 349).

Dalam kajian ini, bahan yang dikumpul untuk dianalisis terdiri daripada perakam suara temu duga, catatan yang dibuat oleh penemu duga. Rakaman suara temu duga ditranskripkan kepada bentuk bertulis dan transkripsi tersebut merupakan

data mentah bagi kajian ini. Transkripsi rakaman suara meliputi interaksi lisan pengkaji-subjek, tingkah laku bukan lisan yang dipaparkan oleh subjek, dan catatan penemu duga semasa temu duga dijalankan.

Lokasi Dan Subjek Kajian

Lokasi kajian

Seorang daripada subjek kajian mengajar di sebuah sekolah menengah daerah Selayang manakala dua orang lagi mengajar di sebuah sekolah daerah Sabak Bernam, Selangor. Temu duga telah dijalankan di tempat kediaman tiga orang subjek.

Subjek kajian

Pemilihan subjek adalah berdasarkan guru yang berminat untuk menjadi subjek kajian dan bersanggup meluangkan masa untuk ditemu duga. Ketiga-tiga orang subjek adalah guru perempuan dalam lingkungan umur tiga puluh hingga empat puluh tahun. Pengalaman mengajar tiga orang subjek ialah di antara tujuh hingga tujuh belas tahun.

Pengelolaan Temu Duga

Temu duga dijalankan di dalam rumah ketiga-tiga orang subjek. Kelengkapan asas yang diperlukan termasuk sebuah meja, dua buah kerusi, papan tulis, dan alat perakam suara.

Temu duga telah dijalankan pada bulan Jun. Setiap guru ditemu duga sebanyak tiga kali. Setiap temu duga mengambil masa selama tiga puluh minit. Sebelum temu duga yang pertama dijalankan, pengkaji berbual dengan guru dan mengumpul maklumat peribadi guru seperti kelulusan akademik dan iktisas tertinggi, bilangan tahun mengajar matematik, kursus KBKK yang pernah dihadiri. Tujuan permulaan ini adalah untuk mengetahui latarbelakang guru.

Kajian Rintis

Kajian rintis membabitkan seorang guru dari sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya. Antara lain, tujuan kajian tersebut adalah untuk membiasakan pengkaji dengan prosedur dan teknik menjalankan temu duga. Kajian rintis ini juga dapat menguji kesesuaian instrumen yang telah disediakan dari aspek isi dan bahasa yang

digunakan. Selain daripada itu, pengkaji dapat menganggarkan masa bagi setiap temu duga, dan memperoleh maklumat tentang respons yang mungkin bagi setiap soalan yang dikemukakan.

Permasalahan Temu Duga

Kajian ini membabitkan tiga sesi temu duga. Soalan-soalan yang membabitkan gambaran mental tentang KBKK, merealisasikan KBKK dalam pengajaran Statistik dan penilaian tentang KBKK akan ditanya. (Sila lihat Lampiran A).

Temu Duga Satu

Gambaran Mental Tentang KBKK

Aktiviti ini bertujuan untuk mengenal pasti gambaran mental guru tentang Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif. Dalam aktiviti ini, guru diminta menerangkan makna kemahiran, berfikir, kritis , kreatif, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran berfikir secara kreatif dan memberi contoh-contoh, bahan

rangsangan yang boleh digunakan untuk mencapai kemahiran berfikir, strategi penyebatian KBKK, ciri-ciri pemikir yang bijak. Tujuan temu duga pertama ini ialah untuk menjawab soalan kajian :

1. Apakah kefahaman guru matematik terhadap kemahiran, berfikir, kritis, kreatif, kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif ?
2. Apakah contoh-contoh kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif ?

Temu Duga Dua

Merealisasikan KBKK Dalam Pengajaran Statistik

Aktiviti ini bertujuan untuk memperolehi maklumat tentang bagaimana guru merealisasikan KBKK dalam pengajaran topik Statistik Matematik KBSM Tingkatan Empat. Guru diminta memberi jenis-jenis KBKK yang dapat disebatkan dalam sub-topik tertentu, menerangkan contoh pengajaran ringkas untuk menghuraikan bagaimana dan jenis KBKK yang disebatkan dalam peringkat permulaan, perkembangan dan penutup. Tujuan temu duga kedua ini adalah untuk menjawab soalan kajian yang ketiga : Bagaimana guru

menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran topik statistik tingkatan empat ?

Temu Duga Tiga

Penilaian Tentang KBKK

Aktiviti ini bertujuan untuk mengenal pasti kepentingan KBKK dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan KBKK. Tujuan temu duga ketiga ini adalah untuk menjawab soalan kajian keempat dan kelima :

Apakah kepentingan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran matematik ? dan

Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru matematik dalam pelaksanaan KBKK ?

Teknik Penganalisan Data

Data yang dikumpulkan dalam kajian ini terdiri daripada rakaman suara temu duga , nota, dan catatan pengkaji semasa dan selepas temu duga dijalankan. Terdapat empat tahap analisis yang dijalankan.

Pada tahap pertama, rakaman suara temu duga ditranskripkan ke dalam bentuk bertulis. Transkripsi tersebut meliputi interaksi antara penemu duga dengan subjek semasa temu duga, catatan bertulis oleh subjek semasa temu duga, catatan penemu duga semasa dan selepas temu duga, dan tingkah laku bukan lisan yang dipamerkan oleh subjek.

Pada tahap kedua, data mentah dalam bentuk transkripsi disusun dan diolah mengikut tema tertentu untuk menghasilkan protokol yang berkaitan.

Pada tahap ketiga, kajian kes bagi setiap subjek dibentuk berdasarkan maklumat daripada protokol bertulis.

Pada tahap keempat, analisis merentas subjek dibuat. Tujuannya adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut :-

1. Apakah kefahaman guru matematik terhadap kemahiran, berfikir, kritis, kreatif, kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif ?

2. Apakah contoh-contoh kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif ?
3. Bagaimana guru menerapkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif dalam pengajaran topik Statistik tingkatan empat ?
4. Apakah kepentingan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran matematik ?
5. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru matematik dalam pelaksanaan KBKK ?